

Pertandingan Reka Cipta Logo Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN

Pertandingan reka cipta logo Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN hendaklah memaparkan peranan PTPTN sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi negara dengan tema **Peluang Kejayaan Anda**.

1. Tema Logo

- 1.1 Peluang Kejayaan Anda

2. Syarat dan Terma Pertandingan

- 2.1 Terbuka kepada semua warganegara Malaysia sahaja kecuali kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).
- 2.2 Peserta boleh menghantar tidak lebih daripada **TIGA (3)** penyertaan. Walau bagaimanapun hanya satu logo sahaja akan dipilih sebagai pemenang. Sekiranya peserta menghantar lebih daripada satu (1) karya ciptaan logo, peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja.
- 2.3 Peserta hendaklah memastikan keaslian logo yang dicipta terpelihara. Ciptaan mestilah asli/ tidak ditiru dan tidak pernah diterbitkan di mana-mana platform. PTPTN tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hak cipta logo tersebut.
- 2.4 Semua hak milik intelektual dalam bahan yang dikemukakan/ dibuat/ dicipta dan sebarang hasil kerja terbitan oleh peserta tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik PTPTN.
- 2.5 PTPTN berhak mengubahsuai/ meminda logo yang terpilih sekiranya perlu untuk digunakan/ dipamerkan/ dicetak dalam mana-mana bahan, acara dan lain-lain yang berkaitan untuk tujuan promosi, pengiklanan dan publisiti untuk tempoh tidak terhad tanpa pampasan. Pemenang hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
- 2.6 Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.

3. Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- 3.1 Reka cipta logo hendaklah melambangkan dan menepati tujuan **SAMBUTAN JUBLI PERAK 25 TAHUN PTPTN**.
- 3.2 Reka bentuk logo mestilah baharu, asli dan dihasilkan sendiri serta tidak ditiru dari mana-mana logo. Panel penilai/ urus setia berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati ia tidak asli.

- 3.3 Reka bentuk logo mestilah asli dan tidak boleh mengandungi unsur yang dianggap sensitif daripada segi kaum, budaya dan agama serta sesuai digunakan oleh PTPTN.
- 3.4 Reka bentuk logo hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas serta penggunaan warna tidak melebihi empat (4) warna.
- 3.5 Logo PTPTN boleh dimuat turun melalui <https://bit.ly/logoptpn>
- 3.6 Setiap logo yang dicipta hendaklah disertakan dengan penerangan dan rasional penggunaan simbol, warna dan unsur dalam Bahasa Melayu.

4. Dokumen Permohonan Penyertaan

- 4.1 Setiap peserta yang hendak menyertai pertandingan ini dikehendaki menyediakan satu (1) salinan dokumen seperti berikut:
 - i. Borang Penyertaan
Muat turun borang dan syarat pertandingan di portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my
 - ii. Reka bentuk logo berserta penerangan hendaklah dihasilkan menggunakan saiz A4 (ukuran 21cm x 29.7cm) dalam bentuk *softcopy* menggunakan format AI (*Adobe Illustrator*) dan *JPEG* dengan resolusi minimum 1280 x 960 (dpi).
 - iii. Penyertaan hendaklah dihantar ke alamat e-mel logo25tahunptptn@gmail.com

5. Tempoh Penyertaan

- 5.1 Penyertaan dibuka selama **25 hari** bermula dari **10hb Januari 2022 (Isnin)** sehingga **3hb Februari 2022 (Khamis)**.

6. Tarikh Tutup Penyertaan

- 6.1 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **3hb Februari 2022** sebelum jam 12.00 tengah hari. Sebarang penyertaan selepas daripada tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.

7. Metodologi Penilaian

- 7.1 Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima daripada peserta yang menyertai pertandingan ini.

- 7.2 Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap reka bentuk logo yang dihantar kepada urus setia pertandingan.

8. Pemenang dan Hadiah

- 8.1 Sebanyak seorang pemenang dan 5 hadiah sagu hati akan dipilih sebagai pemenang.

Bil	Kategori Pemenang	Hadiah Wang Tunai
1.	Tempat Pertama	RM2,500.00
2.	5 pemenang sagu hati	RM250.00

9. Panel Penilai

- 9.1 Penilaian akan dibuat oleh Panel Penilai yang dilantik oleh PTPTN.
- 9.2 Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai.
- 9.3 Penyertaan yang diterima akan dinilai daripada aspek konsep, kreativiti serta keaslian reka bentuk logo.
- 9.4 Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati penyertaan tidak mematuhi mana-mana syarat dinyatakan.
- 9.5 Panel Penilai berhak mengubah suai dan meminda reka bentuk logo yang terpilih sekiranya perlu.